

Penentuan Hukum Terhadap Rawatan Bersumberkan Haiwan Dua Alam dan  
Telurnya Menurut Perspektif Islam dan Sains

*The Legal Ruling Determination of Treatments Derived from Amphibious Animals and Their Eggs:  
An Islamic and Scientific Perspective*

Muhammad Amin Al-Azmi<sup>✉</sup>, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

**ABSTRAK**

Mencari yang halal dan menjauhi yang haram merupakan satu tuntutan dalam Islam. Makanan yang baik (halalan tayiban) adalah makanan yang seimbang, bergizi dan bernutrisi tinggi dan tidak mengandungi zat-zat yang membahayakan kesihatan. Penghasilan produk meluas dengan pantas sejajar dengan perkembangan moden industri penternakan, kosmetik, dan ubat-ubatan. Kini, isu kepenggunaan yang hangat dibincangkan adalah berkaitan penghasilan vaksin dan rawatan yang bersumberkan haiwan dua alam dan telurnya. Kajian ini memfokuskan hukum haiwan dua alam dan telurnya secara umum dan rawatan bersumberkannya secara khusus. Dalam menjayakan kajian ini, kaedah pengumpulan data telah dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan metode perpustakaan, deskriptif, komparatif, dan analisis kandungan terhadap sumber-sumber fiqh dan sains. Hasil kajian mendapati, hukum haiwan dua alam adalah haram kerana kotor, beracun dan memudaratkan manakala telurnya dihukumkan bersih dan suci dengan syarat ianya tidak beracun dan memudaratkan. Kajian ini amat relevan kerana ia dapat mengatasi kesamaran status hukum berkaitan penggunaan vaksin dan ubat-ubatan yang dihasilkan dari haiwan dua alam yang haram dimakan dan telurnya yang bertujuan untuk membantu pihak berwajib seperti Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menentukan hukum berkaitan halal dan kepenggunaan.

**KATA KUNCI**

Kepenggunaan, haiwan dua alam, telur, racun

**ABSTRACT**

*The pursuit of what is lawful (halal) and the avoidance of what is prohibited (haram) is a fundamental requirement in Islam. Wholesome and permissible food (halalan tayyiban) refers to food that is balanced, nutritious, and free from harmful substances. The rapid expansion of product development, driven by advancements in modern industries such as livestock farming, cosmetics, and pharmaceuticals, has brought to the forefront contemporary issues regarding the use of vaccines and treatments derived from amphibious animals and their eggs. This study focuses on the legal rulings concerning amphibious animals and their eggs in general, and specifically on treatments derived from them. The research employs a qualitative methodology, utilizing library research, descriptive, comparative, and content analysis methods applied to Islamic jurisprudential (fiqh) and scientific sources. The findings indicate that amphibious animals are deemed prohibited (haram) due to their impurity, toxicity, and harmful effects, while their eggs are considered pure and permissible (halal) provided they are non-toxic and non-harmful. This study is particularly relevant in clarifying the ambiguous legal status of vaccines and pharmaceuticals derived from amphibious animals, assisting authorities such as the Halal Hub Division of the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) in determining legal rulings related to halal certification and consumer usage.*

**KEYWORDS**

Consumerism, amphibious animals, eggs, toxins

**Article History**

Received: November 15 2024,

Revised: December 5, 2024,

Accepted: December 5, 2024

Published: December 25, 2024

**Contact**

Muhammad Amin Al-Azmi,

(Corresponding Author)

P115275@siswa.ukm.edu.my

**Citation**

Muhammad Amin Al-Azmi, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim 2024. Penentuan hukum terhadap rawatan bersumberkan haiwan dua alam dan telurnya menurut perspektif Islam dan sains. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 9(2): 64-72.

**Copyright**

© 2024 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi, penghasilan produk berasaskan haiwan semakin meluas. Secara umumnya, masyarakat hanya memberi perhatian kepada makanan dan minuman halal namun hakikatnya konsep halal perlu dititik beratkan dalam semua aspek. Produk berstatus halal telah berkembang dengan pesat dalam kebanyakan bidang perniagaan meliputi industri perbankan, farmaseutikal, perlancongan dan banyak lagi (Ahmad et al. 2011). Terdapat kesukaran dalam menentukan produk yang berasaskan haiwan dua alam terutamanya dari sudut perubatan. Hal ini kerana para sarjana Islam berselisih pendapat dalam menentukan hukum mengenai status halal atau haram haiwan tersebut. Kearifan tempatan juga memainkan peranan penting dalam penentuan hukum-hukum. Justeru itu, bagi merangkaikan permasalahan yang timbul, kajian terperinci perlu dilaksanakan bagi menganalisis sumber-sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas beserta pandangan fuqaha empat mazhab. Selain itu, kajian terhadap sumber-sumber sains juga perlu dilakukan bagi membuktikan keberkesanan haiwan dua alam sebagai rawatan. Hasil kajian tersebut, prinsip bagi penentuan hukum haiwan dua alam yang tepat dapat diwujudkan seterusnya dapat diaplikasikan ke atas produk-produk yang bersumberkan haiwan dua alam. Prinsip itu juga bertujuan untuk membantu pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menentukan hukum hakam berkaitan produk yang bersumberkan haiwan dua alam untuk tujuan perubatan.

## TINJAUAN LITERATUR

Penghasilan bahan perubatan berasaskan haiwan dan kesannya ke atas rawatan penyakit pada manusia dikenali sebagai zooterapi. Dalam komuniti moden pada hari ini, zooterapi merupakan cabang perubatan alternatif yang sangat penting jika dibandingkan dengan terapi kesihatan lain yang diaplikasi di seluruh dunia (Alves & Rosa 2005). Penggunaan vaksin adalah cara terbaik bagi mengawal penyakit kerana ia mengaktifkan sistem imun badan manusia (World Health Organization 2019). Dalam penghasilan vaksin, terdapat beberapa bahan yang digunakan. Antaranya, telur ayam yang dieramkan sehingga membentuk embrio yang hidup untuk dijadikan medium pembiakan virus. Embrio yang hidup dalam telur tersebut disuntik dengan virus bagi tujuan pembiakan sebelum diproses menjadi vaksin. Embrio yang disuntik dengan virus tersebut akhirnya mati dan virus yang terhasil pada embrio tersebut akan diambil serta disaring. Kaedah ini sering digunakan dalam penghasilan vaksin terhadap jangkitan virus seperti selsema (Laere 2016, Siegel 2006). Pada tahun 2020, masyarakat dikejutkan dengan laporan kajian dari pasukan penyelidik di Amerika Syarikat yang diketuai oleh Profesor Joshua Bangard yang mampu menghasilkan robot katak makmal yang dijangka akan

digunakan dalam bidang farmaseutikal dan sebagainya. Robot ini yang dikenali sebagai 'Xenobot' merupakan hasil daripada ekstrak sel embrio dan kulit katak afrika. Xenobots ini dijangka mampu menjadi penawar kepada penyakit kanser dan lain-lain (Douglas Blackiston et al. 2021). Satu kajian terhadap darah biawak telah dilaksanakan bagi menguji keberkesannya merawat kanser, bakteria dan COVID-19 di Universiti Mahidol, Thailand yang diketuai oleh Profesor Jitkamol Thanasak (Thailand Nation 2021). Telur haiwan ini juga dimanfaatkan iaitu masyarakat Malaysia telah sebatu dengan telur penyu dan dijadikan hidangan terutamanya rakyat Terengganu sebelum diluluskan Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2001) yang mengharamkan penjualan telur haiwan berkenaan sepenuhnya (Mohd Azli 2021). Seterusnya, penjualan telur haiwan yang haram dimakan dagingnya seperti telur buaya di Taman Buaya Tuaran (Berita Harian 2013) dan juga menu istimewa aiskrim daripada telur buaya yang dihidangkan di Davao, Filipina (Genevieve Shaw 2014). Selain itu, telur siput (snail caviar) adalah merupakan makanan mewah di negara eropah seperti Perancis, Itali, Rusia, Switzerland dan Dubai (Hannah Frishberg 2019). Namun, status halal dan haram ubat-ubatan serta vaksin menjadi satu faktor penting individu untuk mengambilnya. Penolakan sebahagian rakyat Malaysia terhadap pengambilan vaksin kerana dipercayai ianya mengandungi najis (Faridah Kusnin 2017). Status hukum hakam haiwan dua alam ini sering menjadi topik perbincangan kerana tiada dalil jelas yang menghalalkannya atau mengharamkannya. Antara percanggahan yang wujud di Malaysia khususnya berkenaan fatwa dan hukum haiwan dua alam adalah seperti hukum memakan belangkas, ketam, penyu dan sebagainya. Menurut Siti Halimah (2014), hukum haiwan akuatik tidak diperincikan secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah dan perlu kepada penilaian al-tayyibat dan al-khabais. Para ulama mazhab al-Shāfi'i menggariskan prinsip baik dan buruk itu berdasarkan indikator masyarakat Arab. Namun, penulis tidak memperincikan hukum haiwan dua alam ini berdasarkan penilaian kearifan tempatan. Seterusnya Muhammad Ammar et al. (2019) menyatakan bahawa kearifan ulama Melayu klasik berjaya membawa pembaharuan dalam perbincangan fiqh dengan menonjolkan elemen tempatan dan tidak hanya sekadar mengulangi perbincangan ulama mazhab al-Shāfi'i yang terdahulu di mana kebanyakan mereka menggunakan latar masyarakat Arab. Namun, terdapat beberapa fatwa ulama nusantara yang kelihatan bercanggah dengan fatwa semasa seperti hukum memakan belangkas. Menurut kitab fiqh klasik nusantara, belangkas adalah haram dimakan (Muhammad Arshad Al-Banjari 1990) namun difatwakan harus oleh majlis fatwa kebangsaan (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 2011). Mohammad Aizat & Mohd Anuar Ramli (2011) menyatakan perubahan hukum berlaku kerana belangkas yang dianggap haiwan dua alam sebenarnya adalah haiwan air hasil bantuan

penyelidikan yang lebih saintifik. Namun tidak dijelaskan berkaitan kajian saintifik terkini berkenaan manfaat dan mudarat haiwan dua alam sebagai rawatan. Mahmud Idris (1993) dalam kajiannya yang bertajuk “*Hukm al-Tādāwi bi al-Muharramāt*” menjelaskan hukum-hukum rawatan yang menggunakan sumber yang diharamkan oleh syarak. Penjelasan hukum hakam tersebut dibahagikan kepada beberapa kelompok kumpulan yang terdiri daripada fuqaha empat mazhab. Turut dibahaskan mengenai hukum memakan ular untuk perubatan dan rawatan yang menggunakan sumber ular seperti antidot dan beliau memilih pandangan yang mengharamkannya. Namun begitu, tidak dinyatakan mengenai hukum rawatan menggunakan haiwan dua alam yang lain seperti katak, buaya dan sebagainya untuk dijadikan sebagai sandaran hukum mengikut perubatan dalam konteks semasa. Perbezaan pendapat ini memerlukan satu kajian yang terperinci mengenai hukum haiwan dua alam dan hukum memanfaatkannya menurut perspektif Islam dan sains.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dan memfokuskan penganalisan data berkaitan status rawatan bersumberkan haiwan dua alam menurut perspektif Islam dan sains. Data kajian literatur ini dikumpulkan melalui kaedah analisis dokumen dan penganalisan data pula adalah secara deskriptif dan komparatif. Kajian ini melibatkan beberapa haiwan dua alam yang digunakan sebagai sumber rawatan dan perubatan seperti katak, buaya, ular, biawak dan penyu. Pemilihan haiwan ini berdasarkan kekerapan penggunaan oleh masyarakat di Malaysia berbanding haiwan dua alam yang lain. Rujukan turut dilakukan terhadap kitab-kitab turath dan kontemporari berkaitan najis, rawatan dan perubatan, serta haiwan dua alam yang telah ditulis oleh para sarjana Islam bagi mendapatkan fakta yang tepat dan sesuai dengan konteks semasa. Jurnal dan artikel penyelidikan dari dalam dan luar negara seperti *Medical Journal* dan *PubMed* dirujuk bagi mengenalpasti manfaat dan mudarat haiwan dua alam kepada manusia. Akta Peranti Perubatan 2012, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016, dan *Malaysia Halal Medical Device Standard MS2636:2019* juga dirujuk bagi mendapatkan peruntukan undang-undang berkaitan ubat-ubatan di Malaysia.

#### RAWATAN BERSUMBERKAN HAIWAN DUA ALAM MENURUT KAJIAN SAINTIFIK

Haiwan reptilia dan amfibia telah sekian lama dimanfaatkan sebagai makanan, alatan, perhiasan, alat keagamaan dan kebudayaan serta ubat-ubatan (Fitzgerald et al. 2004; Alves et al. 2008, 2009; Mohneke et al. 2011). Menurut Andrew Haynes (2015), satu kajian telah dilakukan ke atas minyak ular dan didapati minyak tersebut kaya dengan omega-3 yang mempunyai pelbagai manfaat kesihatan seperti

anti-radang, menurunkan darah tinggi, mengurangkan risiko dementia dan merawat kemurungan. Perkembangan terkini dalam teknologi membolehkan pengekstrakkan sebatian tertentu dari amfibia yang mengandungi ciri-ciri bioaktiviti tertentu seperti antibiotik, antiviral, antibakteria, antifungal, antiprotozoal, antidiabetic, antineoplastic, antitumor, analgesik dan sifat mencetus tidur (Nogawa et al. 2001; Brand et al. 2002; Van Compernelle et al. 2005; Conlon et al. 2009). Biologi amfibia yang unik ini telah mencetuskan idea yang dapat membantu manusia dalam merawat pelbagai penyakit. Daging katak juga terbukti berkesan untuk menurunkan kolestrol, obesiti, hipertensi dan sebagainya (Mello et al. 2006; Nobrega et al. 2007). Kajian Muhammad Syafiq et al (2017) mendapati bahagian tertentu pada katak mempunyai penawar tersendiri dan mampu dijadikan ubat untuk sakit tertentu.

Menurut Magnino et al. (2009), pemakanan haiwan reptilia seperti ular, biawak, penyu dan buaya boleh mengundang penyakit trichinosis, pentastomiasis, gnathostomiasis dan sparganosis yang boleh mengakibatkan pening kepala, demam, kegatalan, sakit perut, sakit sendi dan muntah. Seterusnya, kajian Muhammad Hafiz (2020) dari UMT menunjukkan bahawa daging penyu mengakibatkan kesan toksik termasuk penyakit ginjal, barah hati dan kesan perkembangan pada janin dan kanak-kanak. Selain itu, daging penyu juga mempunyai bakteria, parasit, biotoksin dan tempat pengumpulan bakteria yang terhasil daripada pencemaran alam sekitar. Menurut John Tibbetts (2009), telur penyu mengandungi unsur logam berat yang berbahaya maka pengambilan telur sebagai sumber makanan dapat menyebabkan kanser hati dan kerosakan saraf otak dan telur penyu juga mempunyai kolestrol yang sangat tinggi iaitu 20 kali kolestrol yang terdapat pada telur ayam maka ianya dapat meningkatkan peratusan penyakit jantung dan strok. Katak ‘*kambo*’ sering digunakan dalam upacara ritual kebudayaan dan keagamaan yang dipercayai menjadi antibiotik, menguatkan badan dan minda serta sebagai vaksin (Tory Shepherd 2021). Kulit peserta upacara tersebut akan dibakar lalu rebusan katak tersebut akan disapu di tempat berkenaan. Namun, banyak kes kematian dicatatkan berpunca dari ritual tersebut yang simptom pada awalnya adalah sakit perut, muntah, dan kerosakan hati.

Jelaslah bahawa haiwan ini mempunyai manfaat dan mudarat yang berbeza menurut jenis spesies haiwan, cara penggunaan dan rawatan, serta penyakit yang dirawat. Oleh itu, kajian yang berfokus perlu dijalankan dengan lebih kerap bagi memastikan status haiwan ini terbukti benar selamat untuk dijadikan sebagai ubat dan penawar.

PERSELISIHAN PENDAPAT ULAMAK  
BERKENAAN STATUS HAIWAN DUA ALAM  
DAN TELURNYA

Penggunaan vaksin dan pengambilan sebagai makanan dari sumber haiwan dua alam dan telurnya menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya yang beragama Islam mengenai status halal atau haram. Menurut perspektif Islam, terdapat perbezaan pendapat di antara yang menghalalkan haiwan dua alam serta telurnya dan yang mengharamkannya. Haiwan yang bertelur adalah haiwan di kalangan kategori reptilia, amfibia, burung, dan ikan. Antara contoh haiwan reptilia adalah buaya, biawak, kura-kura, penyu dan ular manakala katak termasuk dalam haiwan amfibia.

Umumnya, para ulamak bersepakat bahawa semua jenis ikan adalah halal dimakan (al-Nawawi t.th, al-Asqalani 2001) melainkan mazhab Hanafi yang mengharamkan bangkai ikan (Ibn 'Abidin 1966). Secara asasnya, tiada dalil yang jelas mengenai pengklasifikasian haiwan dua alam dan hukum terhadapnya. Mazhab Hanafi berpegang bahawa semua haiwan dua alam adalah haram dimakan. Ini kerana haiwan air selain ikan mengambil hukum bangkai (Ibn 'Abidin 1966). Hujah mereka berdasarkan firman Allah SWT (al-Baqarah: 173):

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَيْزِيرِ وَمَأْكِلَهُ بِهِ  
لَعَنَ اللَّهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, dan daging babi. dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah”.

Huraian dalil: Ayat di atas jelas menunjukkan pengharaman bangkai. Semua haiwan laut adalah haram dimakan kerana termasuk keumuman dalil pengharaman bangkai kecuali ikan yang mempunyai dalil khusus yang mengharuskannya.

Juga firman Allah SWT (al-A'raf: 157):

وَيُحَلِّ لَّهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ

Maksudnya: “Dia menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk”.

Huraian dalil: Al-Quran telah menegaskan bahawa makanan yang diharamkan oleh Allah ialah yang baik sahaja. Justeru itu makanan yang memudaratkan agama dan kesihatan adalah haram dan termasuk di dalam al-khabais iaitu jijik dan kotor. Semua haiwan laut kecuali ikan adalah kategori al-khabais (al-Kasani 1986).

Manakala mazhab Maliki menghukumkannya harus dimakan kerana tidak terdapat dalil khusus pengharaman haiwan dua alam (Ibn Rushd 1994) manakala imam Malik memakruhkan babi air (Ibn 'Abd al-Barr 2000). Hujah keharusan ini berdasarkan firman Allah SWT (Surah al-Ma'idah: 96):

أَحَلَّ لَكُمْ صَيْدَ الْبَحْرِ وَطَعَامَهُ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلِلنَّاسِ

Maksudnya: “Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanannya, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran.”

Huraian dalil: Al-Quran telah menjelaskan bahawa diharamkan binatang buruan laut, maka ia merangkumi semua haiwan maka semua haiwan laut adalah halal untuk dimakan (al-Mawardi 1999).

Juga berdasarkan keumuman hadis Nabi SAW:

هُوَ الظَّهْرُ مَاؤُهُ الْحِلُّ مَيْتَتُهُ

Maksudnya: “Air laut itu suci lagi menyucikan dan halal bangkainya.” (Riwayat Abu Daud, Sunan Abi Daud, Kitab al-Taharah, Bab al-Wuduk bi Ma' al-Bahr, no. 79, riwayat al-Tirmizi, Jami' al-Tirmizi, Abwab al-Taharah, Bab ma Ja'a fi Ma' al-Bahr annahu Tuhurun, no. 71, riwayat al-Nasa'i, Sunan al-Kubra, Kitab al-Taharah, Zikr Ma' al-Bahr wa al-Wuduk minhu, no. 57, riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Said, Bab al-Tafi, no.3265)

Huraian dalil: Berdasarkan hadis ini, jelas bahawa bangkai haiwan laut halal dimakan. Maka semua haiwan laut adalah halal dimakan sama ada haiwan yang hidup atau sudah mati (Ibn 'Abd al-Barr 2000, al-Mawardi 1999).

Mazhab Shafi'i mengklasifikasikan hidupan haiwan kepada tiga habitat iaitu haiwan daratan, haiwan air dan haiwan dua alam. Pengharaman haiwan dua alam adalah qiyas kepada pengharaman katak. Katak diharamkan pemanfaatan ke atasnya berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Rahman ibn 'Usman al-Tamimi:

أَنَّ طَبِيبًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ضَفْدَعٍ يَجْعَلُهَا

فِي دَوَاءٍ فَنَهَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِهَا

Maksudnya: “Seorang doktor bertanya kepada Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam, berkenaan katak yang dijadikan ubat bagi sesuatu penyakit, maka Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam melarang membunuh katak”. (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasa'i, dan sanadnya dinyatakan sahih oleh Shucaib Al-Arnaut).

Juga hadis dari Sahl bin Sa'd Al-Sa'idi:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِ حَمْسَةِ النَّمْلَةِ

وَالنَّحْلَةَ وَالضَّفْدَعِ وَالصَّرْدِ وَالْهَدِيدِ .

Maksudnya: “Bahawa Nabi shallallahu calaihi wa sallam melarang membunuh 5 binatang: Semut, lebah, katak, burung suradi, dan burung hudhud”.(Hadis riwayat al-Baihaqi, Sunan al-Kubra, no. 9/317). Hadis ini dihukumkan daif oleh al-Daruqutni (t.th).

Dan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar RA:

لَا تَقْتُلُوا الضَّفَادِعَ فَإِنَّ تَقِيَّتَهَا تَسْبِيحٌ .

Maksudnya: “Janganlah kalian membunuh katak kerana sesungguhnya suaranya adalah tasbih”.(Hadis riwayat al-Baihaqi, Sunan al-Kubra, Kitab al-Dahaya, Bab Ma Yahil wa Yahrum min al-Hayawanat, no. 17793).

Huraian dalil: Berdasarkan hadis-hadis ini, jelas bahawa diharamkan pemanfaatan katak dalam segala bentuk termasuk sebagai makanan dan ubatan (al-Shirbini 1994). Para ulamak menggariskan prinsip setiap haiwan yang dilarang untuk dibunuh, maka haram dimakan (al-Nawawi t.th).

Manakala ulamak mazhab Hanbali berpendapat haiwan dua alam halal dimakan kerana penentuan habitat haiwan tersebut adalah berdasarkan kadar tempoh didiami pada habitat berkenaan (al-Bahuti 2008). Maka jika haiwan tersebut lebih lama berada di darat, ia mengambil hukum haiwan daratan iaitu wajib disembelih. Namun, jika ianya lebih la mendiami di air, maka ia mengambil hukum haiwan air seperti ikan. Mereka juga mengharamkan katak, ular dan buaya (Ibn Qudamah 1968, Ibn Muflih 1974). Pengharaman katak berdasarkan dalil yang mengharamkan membunuhnya. Seterusnya pengharaman ular kerana termasuk dalam kategori jijik dan kotor. Manaka buaya kerana mempunyai taring yang tajam digunakan untuk memburu mangsa. Ini berdasarkan hadis daripada Ibn ʿAbbas RA:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ  
الْبَيْعَاعِ .

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang memakan setiap binatang buas yang bertaring.” (Hadis riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab Said wa al-Zabaih wa ma Yu’kal min al-Hayawanat, Bab Tahrim Akli Kulli Zi Nab min al-Sibac wa Kulli Zi Mikhlab, no. 1932).

Jika diteliti, ʿillah pengharaman haiwan dua alam adalah kerana mempunyai ciri-ciri kotor, jijik, beracun, pemangsa, dan memudaratkan. Ini bertepatan dengan kaedah (al-Suyuti 2001):

لا ضرر ولا ضرار.

Maksudnya: “Janganlah memudaratkan diri sendiri dan orang lain”.

Para sarjana juga berselisih pendapat terhadap hukum telur haiwan yang haram dimakan. Pendapat pertama yang dipelopori oleh mazhab Maliki (Abu al-ʿAbbas t.th) dan pandangan terkuat dalam mazhab Shafiʿi bahawasanya telur haiwan yang haram dimakan adalah suci (al-Nawawi t.th). Para sarjana mazhab Shafiʿi juga menggariskan beberapa prinsip antaranya telur itu mestilah tidak memudaratkan seperti telur ular dan serangga (al-Qalyubi 1997). Dalilnya berdasarkan kaedah (al-Suyuti 2001):

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: “Asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehingga datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman (perkara tersebut).”

Mereka juga berhujah bahawa terdapat perbezaan di antara larangan haiwan haram dimakan dan kenajisan haiwan tersebut. Bukan semua yang diharamkan dagingnya itu menunjukkan ianya bernajis, maka jika ianya adalah najis sekalipun, perlu ada dalil membuktikannya kerana asalnya dianggap suci.

Pandangan kedua mengatakan ianya najis. Ini merupakan salah satu pandangan dalam mazhab Shafiʿi (al-Shirbini 1994) dan pendapat yang masyhur dalam mazhab Hanbali (al-Bahuti 2008). Hal ini kerana daging haiwan tersebut haram dimakan, maka setiap yang keluar darinya seperti telur dan susu juga adalah najis. Pengharaman terhadap haiwan tanpa adanya ʿillah kemudaratkan menunjukkan asal kenajisan haiwan tersebut. Manakala jika ianya diharamkan kerana kemudaratkan maka hukum asalnya adalah haram. Ini berdasarkan kaedah:

الأصل في الأشياء الصّارة الحريم

Maksudnya: “Asal bagi sesuatu perkara yang memberi kemudaratkan adalah haram.”

Pandangan ketiga adalah telur itu mengikut hukum asal dagingnya. Jika daging haiwan tersebut halal dimakan, maka telurnya suci manakala jika dagingnya haram dimakan maka telurnya juga najis (Ibn Qudamah 1968). Dalil pandangan ini adalah qiyas furuk kepada asal. Jika daging asal haiwan tersebut adalah halal dimakan maka telurnya juga suci manakala jika dagingnya haram dimakan maka telurnya adalah najis.

Ia menggunakan kaedah (al-Suyuti 2001):

التابع تابع.

Maksudnya: “Pengikut itu mengikut”.

Huraian kaedah: Telur merupakan pengeluaran daripada haiwan tersebut, maka ia terikat dengan hukum asal haiwan itu.

Setelah meneliti dalil dan pendalilan yang dibahaskan oleh para sarjana Islam berkenaan hukum status kesucian haiwan dua alam dan telurnya, penulis mendapati semua pandangan yang dilontarkan adalah berasas dan muktabar. Namun, setelah mengambil kira kepada pengamalan dan kearifan tempatan umat Islam di Malaysia terhadap mazhab Shafiʿi, penulis lebih cenderung kepada pandangan mazhab Shafiʿi yang mengatakan haiwan dua alam adalah najis dan tidak boleh dimanfaatkan. Walaubagaimanapun, status pengharamannya tidaklah sekuat dalil pengharaman khinzir, dan haiwan ini telah dimanfaatkan oleh segelintir rakyat di Malaysia maka terdapat ruang perbahasan yang boleh dibincangkan di peringkat pengeluaran fatwa bergantung kepada keperluan dan kemaslahatan. Status hukum juga boleh menjadi harus bagi tujuan perubatan dalam situasi darurat dan berdasarkan prinsip Maqasid Syariah.

#### APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM RAWATAN YANG BERSUMBERKAN HAIWAN DUA ALAM

Islam yang bersifat syumul memberi penekanan kepada semua aspek kehidupan. Syariat yang bersifat memudahkan (al-Taysir) bertujuan memastikan manusia mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat dengan prinsip Maqasid Syariah yang menjaga lima aspek utama (daruriyyat al-khams) iaitu menjaga agama (hifz al-Din), menjaga nyawa (hifz al-

Nafs), menjaga akal (hifz al-<sup>o</sup>Aql), menjaga keturunan (hifz al-Nasl), dan menjaga harta (hifz al-Mal). Penentuan hukum terhadap sesuatu isu perlu kepada pertimbangan holistik terhadap masalah dan kepentingan yang berpandukan lima perkara ini (Ibn <sup>o</sup>Abd Salam 1998). Lima aspek Maqasid Syariah ini bukan sahaja untuk dijaga, bahkan untuk dipelihara seterusnya dikembangkan menjadi asas kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Seiring perkembangan teknologi dalam perubatan dan rawatan, suatu prinsip hukum yang jelas terhadap pertimbangan mendapatkan kemaslahatan atau menjauhi kemudharatan dan memilih antara dua kemudharatan amat penting bagi mendapatkan sangkaan yang lebih tepat kepada yakin (ghalabat al-Zan). Berikut merupakan aplikasi Maqasid Syariah terhadap rawatan bersumberkan haiwan dua alam dan telurnya:

### 1. Menjaga agama (*Hifz al-Din*)

Objektif menjaga kemaslahatan agama Islam adalah berasaskan dari firman Allah SWT (surah ali-<sup>o</sup>Imran: 19) :

إِنَّ الْدِينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama yang benar dan diredai di sisi Allah ialah Islam”.

*Hifz al-Din* bermaksud menyelamatkan iman setiap individu Islam daripada terlibat dengan segala yang berkemungkinan melemah dan mengelirukan terhadap kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah lakunya (Ibn <sup>o</sup>Ashur 1998). Segala perbuatan, amalan, budaya dan adat yang bertentangan dengan Islam adalah ditolak kerana dibimbangi akan menjadi fitnah kepada agama.

Terdapat beberapa pandangan yang mengaitkan penggunaan najis, khususnya haiwan dua alam, dalam rawatan penyakit dengan kesan negatif terhadap agama Islam. Pandangan ini berasaskan tanggapan bahawa Islam adalah agama yang sangat menekankan aspek kebersihan dan keselamatan. Namun dalam masa yang sama, terdapat segelintir umat Islam yang mengamalkan penggunaan bahan najis untuk tujuan perubatan dan rawatan, malah ada yang menjual bahan tersebut. Selain itu, ada yang beranggapan bahawa rawatan bersumberkan haiwan ini telah terbukti berkesan melalui pengamalan tradisional yang turun temurun dari generasi sebelumnya maka larangan menggunakannya adalah bertentangan dengan prinsip Islam yang menggalakkan umatnya untuk mendapatkan rawatan ketika ditimpa penyakit.

Kekeliruan ini timbul ekoran dari salah faham terhadap konteks penggunaan bahan najis dalam perubatan serta keaburan terhadap dalil dan pendalilan yang melarang penggunaan bahan najis, berbanding dengan dalil dan pendalilan yang membenarkan penggunaan haiwan dua alam dan telurnya sebagai salah satu bentuk rawatan.

Penggunaan bahan bersumberkan haiwan ini bagi tujuan rawatan dan perubatan dibenarkan dalam beberapa situasi iaitu ketiadaan sumber halal yang lain, bahan ini terbukti secara klinikal mampu

menyembuhkan penyakit, tiada sebarang kemudharatan seperti racun, dan menjadi kebiasaan amalan setempat. Hal ini bagi memastikan penggunaan ini tidak menimbulkan syak dan keraguan dalam masyarakat setempat.

### 2. Menjaga Nyawa (*Hifz al-Nafs*)

Al-Shatibi (1997) di dalam kitabnya al-Muwafaqat menyatakan bahawa penjagaan nyawa (hifz al-Nafs) boleh direalisasikan dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci, dan menyediakan pakaian dan tempat. Firman Allah SWT (surah al-Isra': 33):

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا  
فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيِّهِ سُلْطٰنًا فَلَا يَسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ  
مَنْصُورًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu membunuh jiwa seseorang manusia yang diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan suatu (alasan) yang benar.”

Ayat di atas menjelaskan bahawa sesiapa sahaja yang mengabaikan keselamatan diri sama ada yang berbentuk nyawa mahupun kesihatan adalah berdosa kerana dia telah meninggalkan apa yang telah dituntut dalam Islam (Al-Qurtubi 1994). Terdapat larangan dan balasan yang dahsyat bagi yang membunuh diri sendiri walau dengan apa cara sekalipun akan ditimpa dengan balasan yang dahsyat berdasarkan hadis Baginda SAW:

مَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ يَتَرَدَّى  
فِيهِ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ تَحَسَّى سَمًا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُهُ  
فِي يَدِهِ يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ قَتَلَ  
نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَجَأُ بِهَا فِي بَطْنِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ  
خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا.

Maksudnya: “Sesiapa yang menjatuhkan dirinya dari sebuah gunung sehingga membunuh dirinya, maka di dalam neraka Jahannam dia (juga) menjatuhkan dirinya dari sebuah gunung. Dia akan tinggal di dalam neraka Jahannam selama-lamanya. Barangsiapa meminum racun sehingga membunuh dirinya, maka racunnya akan berada di tangannya. Dia akan meminumnya di dalam neraka Jahannam. Dia tinggal di dalam neraka Jahannam selama-lamanya. Barangsiapa membunuh dirinya dengan besi, maka besinya akan berada di tangannya. Di dalam neraka Jahanam, ia akan menikam perutnya. Dia akan tinggal di dalam neraka Jahanam selama-lamanya” (al- Bukhāri, Sahīh al- Bukhāri, Kitab al- Tibb, bab syarab al- Sam wa al- Dawa' bihiwa bima yukhafu minhu wa al-Khabith, 5542)

Pemilihan ubat dan rawatan seharusnya dari sumber yang dibenarkan oleh syarak kerana Islam menolak segala unsur kemudharatan dan memastikan manusia mencapai kemaslahatan yang maksimum. Penggunaan ubat yang berasaskan haiwan dua alam ini harus dianalisis dari perspektif penjagaan nyawa,

sekiranya ia hendak dibenarkan bagi mengurangkan segala risiko kemudaratan dan juga sebagai potensi penawar yang berkesan dan efektif. Sekiranya terbukti secara saintifik bahawa haiwan ini memiliki khasiat yang mampu merawat penyakit serius seperti kanser, yang dapat dibuktikan melalui kesembuhan pesakit dan disokong oleh hasil kajian klinikal yang sah dan boleh dipercayai, maka penggunaan haiwan dua alam dan telurnya boleh dipertimbangkan sebagai langkah perubatan yang berpotensi untuk menyelamatkan nyawa pesakit.

### 3. Menjaga akal (*Hifz al-‘Aql*)

Akal merupakan anugerah dan amanah Allah SWT kepada manusia yang dapat membantu mencapai objektif syariah dan kesenangan hidup. Penjagaan akal adalah dengan memberi perlindungan kepada akal manusia daripada apa-apa yang akan merosakkannya dan segala bentuk gangguan terhadap kesejahteraan akal akan membawa kepada mafsadah lebih besar kepada masyarakat (Ibn ‘Ashur 1998). Penyalahgunaan akal akan dipersoalkan di akhirat kelak berdasarkan firman Allah SWT (surah al-Isra’: 36) :

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ  
كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan ditanya tentang perlakuan yang telah dilakukannya itu.”

Oleh itu, satu kepastian perlu dilaksanakan terhadap persoalan rawatan ini iaitu adakah ia boleh memabukkan atau terdapat percampuran dengan perkara yang memabukkan kerana jika ada unsur tersebut maka ia dikira haram kerana campuran dengan perkara yang memabukkan akan menyebabkan ketidakwarasan akal seterusnya akan merosakkan akal fikiran manusia sebagaimana kaedah fiqh iaitu setiap yang memabukkan sama ada sedikit atau banyak tetap dihukum sebagai haram. Al-Qaradawi (2000) menyatakan bahawa setiap bahan (sama ada berbentuk cecair mahupun pepejal) yang memabukkan adalah arak dan setiap jenis arak itu adalah haram. Maka, jika rawatan yang bersumberkan haiwan ini terbukti tidak mempunyai unsur yang diharamkan dan juga mampu mengubati penyakit mental atau penyakit kritikal yang boleh merosakkan akal maka penggunaannya adalah dibenarkan.

### 4. Menjaga keturunan (*Hifz al-Nasl*)

Penjagaan keturunan dalam konteks rawatan adalah dengan memastikan kelangsungan hidup dan kebahagiaan generasi akan datang terjamin serta dapat melahirkan keturunan yang berkualiti berdasarkan firman Allah SWT (surah al-Baqarah: 168) :

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا  
خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu”.

Dalil ini mengisyaratkan bahawa pemilihan yang baik lagi halal melibatkan semua aspek termasuk ubat dan rawatan. Hal ini bagi menjaga kemaslahatan umat manusia agak tidak mengambil ubat dan rawatan yang akan memberi kemudaratan terhadap keturunan manusia agar tidak mengikut jejak langkah syaitan yang terlibat dengan sesuatu yang diharamkan.

Apabila rawatan bersumberkan haiwan ini mampu menyembuhkan penyakit tanpa meninggalkan sebarang kesan negatif yang berbahaya, maka keturunan yang sihat dapat dilahirkan seterusnya membangunkan generasi yang aktif dan produktif.

### 5. Menjaga harta (*Hifz al-Mal*)

Penjagaan harta merupakan gabungan konsep keadilan dan keredaan. Keadilan adalah menunaikan sesuatu hak dengan sebaiknya yang disertai dengan sifat ihsan dan bertolak ansur manakala keredaan adalah perlakuan yang didorong dengan keikhlasan hati tanpa unsur paksaan dan ugutan. Penjagaan kesejahteraan harta ini adalah berdasarkan firman Allah SWT (surah al-Nisa’: 29) :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا  
أَنْ تَكُونُوا بَيْنَكُمْ عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ  
إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”

Rawatan yang bersumberkan haiwan dua alam ini boleh dianggap sebagai salah satu bentuk rawatan alternatif yang lebih menjimatkan kos berbanding dengan rawatan moden yang sering kali memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Namun, para pengamal yang memilih untuk menggunakan rawatan ini perlu memastikan bahawa setiap manfaat yang diperolehi adalah tepat dan tidak mendatangkan mafsadah, iaitu tidak menimbulkan kesan negatif atau mudarat terhadap kesihatan mereka. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa tiada kesan sampingan yang merugikan yang timbul daripada penggunaan rawatan tersebut, kecuali kesan yang positif dan dijangkakan dalam proses penyembuhan. Sekiranya kesan sampingan yang berpotensi membahayakan kesihatan dikesan, pesakit hendaklah segera menghentikan rawatan ini dan mencari alternatif perubatan lain yang lebih selamat dan sesuai dengan keadaan mereka. Para pengamal yang menawarkan perkhidmatan rawatan tanpa diselidik, diketahui dan dipastikan keberkesanannya termasuk dalam larangan mengambil harta secara batil kerana bermotifkan keuntungan semata-mata. Jika rawatan ini terbukti

keberkesanannya, maka ia dapat menjaga kesihatan generasi muda daripada penyakit yang dapat mengurangkan pembelanjaan yang tidak perlu untuk rawatan, sekaligus memelihara sumber kewangan.

### KESIMPULAN

Haiwan dua alam tidak dibincangkan secara khusus dalam kitab fiqh melainkan kitab mazhab Shafi'i yang membahagikan haiwan kepada tiga habitat iaitu haiwan darat, haiwan air dan haiwan dua alam. Menurut mazhab lain, haiwan dua alam mengambil hukum asalnya sama ada di lautan atau di darat. 'Illah pengharaman haiwan dua alam adalah kerana mempunyai ciri-ciri kotor, jijik, beracun, pemangsa, dan memudaratkan. Penentuan jijik dan kotor juga berkait rapat dengan uruf masyarakat setempat. Haiwan dua alam adalah najis manakala telurnya adalah halal dan suci dengan syarat ianya tidak memudaratkan. Namun, pembuktian saintifik perlu dilaksanakan bagi menentukan status telur haiwan yang dilabel memudaratkan dan beracun di dalam kitab-kitab fiqh. Dengan ini, untuk mengambil manfaat ke atas telur haiwan dua alam bagi penghasilan ubat, kosmetik, makanan dan sebagainya haruslah memastikan ianya tidak beracun dan tidak memudaratkan.

### RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abu al-'Abbās, Muhammad bin ibn Ahmad al-Khaluti. t.th. Hashiah al-Sowi 'ala Sharh al-Saghir. Dar al-Ma'arif.
- Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath bin Ishaq. t.th. Sunan Abu Daud: 3803. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyah.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 2001. Musnad Ahmad. Tahqiq Shuaib al-Arna'ut.
- Ahmad, H., Fazullah, A., Borham, A. J., & Hashim, H. 2011. Halal Studies In Universities : A Way Forward To Manage Halal Introduction to Fundamental Halal Halal Industry and Awareness. International Journal of Arts and Sciences Conference, 1–9.
- Al-Bukhāri, Muḥamad bin Ismail. 1993. Sahīḥ al Bukhāri. Jil 2. Beirūt, Dār ibn Kathīr.
- Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajr. 2001. Fath al-Bari Syarh al Bukhari.
- Al-Bahuti, Mansur ibn Yunus ibn Idris. 2008. Kashf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'. Cet 1. Riyadh: Wizarah al-'Adl fi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah.
- Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain. 2003. Sunan al-Baihaqi al-Kubra: 318. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Daruqutni, 'Ali bin 'Umar. t.th. 'Ilal al-Daruqutni. Dammam: Dar Ibn Jauzi.
- Al-Kasani, Abu Bakr ibn Mas'ud. 1986. Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai' fi Madhhab al-Hanafi. t.tp.: Maktabah 'Alimun al-Fawa'id.
- Al-Mawardi, 'Ali ibn Muhammad. 1999. Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i wa huwa Mukhtasar al-Muzani. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nasa'i, Ahmad ibn Shu'ayb. Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Sayuti wa Hashiyah al-Sanadi. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. 1994. Sharah Sahih Muslim. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. t.th. Al-Majmu' Sharh al-Muhadhab. Jil 9, hlm 33. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Qalyubi, Ahmad ibn Ahmad ibn Salamah & 'Umayrah, Ahmad al-Barlisi. 1997. Hashiyata al-Qalyubi wa 'Umayrah 'ala Kinz al-Raghibin li al-Imam Jalal al-Din Muhammad ibn Ahmad al-Muhalla Sharh al-Minhaj al-Talibin li al-Imam al-Nawawi fi al-Fiqh al-Shafi'iyyah. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, Damshiq: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qurṭubī, Abī Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī. 1994. al-Jāmi' li Aḥkām al-Quran. Jil 7-8. Qaerah: Dār al- Hadith.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati (1997). al-Muwafaqat fi usul al-Syari'ah. Sunt. Ibrahim Ramadhan. Cet. ke-3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shirbini, Muhammad ibn Ahmad al-Khatib. 1994. Mugni al-Muhtaj ila Ma'rifat alfaz al-Minhaj. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. 2001. Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Mazhab al-Shafi'i. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Altherr, S., Goyenechea, A. and Schubert, D. 2011. Canapés to extinction—the international trade in frogs' legs and its ecological impact. A report by Pro Wildlife, Defenders of Wildlife and Animal Welfare Institute (eds.), Munich (Germany), Washington, D.C. (USA).
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. Sunan al-Tirmizi. Mesir: Maktabah Mustafa al-Halabi.
- Alves RRN, Rosa IL (2005) Why study the use of animal products in traditional medicines? Journal of Ethnobiology and Ethnomedicine 1, 5.
- Alves RRN, Vieira WLS, Santana GG. 2008. Reptiles used in traditional folk medicine: conservation implications. Biodivers Conserv. 2008;17(8):2037–2049.
- Alves RRN. 2009. Fauna used in popular medicine in Northeast Brazil. Journal of Ethnopharmacology 5, 1.
- Andrew Haynes. 2015. History of Snake Oil. *The Pharmaceutical Journal*, PJ, 21 February 2015, Vol 294, No 7850;294(7850):DOI:10.1211/PJ.2015.20067691
- Berita Harian. 2013. Taman Buaya Tuaran. [https://www.bhonline./taman\\_buaya\\_tuaran/](https://www.bhonline./taman_buaya_tuaran/)
- Brand, G. D., Leite, J. R. S., Silva, L. P., Albuquerque, S., Prates, M. V., Azevedo, R. B., . . . Brandão, R. A. (2002). Dermaseptins from Phyllomedusa oreades and phyllomedusa distincta anti-trypanosoma cruzi activity without cytotoxicity to mammalian cells. *Journal of Biological Chemistry*, 277(51), 49332–49340.
- Conlon, J. M., Ahmed, E., & Condamine, E. 2009. Antimicrobial Properties of Brevinin - 2 - Related Peptide and its Analogs: Efficacy Against Multidrug - Resistant Acinetobacter baumannii. *Chemical biology & drug design*, 74(5), 488-493.
- Douglas Blackiston, Emma Lederer, Sam Kriegman, Simon Garnier, Joshua Bongard and Michael Levin. 2021. A cellular platform for the development of synthetic living machines. *Science Robotics* Vol 6, Issue 52 [17 Mar 2021].
- Faridah Kusnin. 2017. Immunisation program in Malaysia. *Vaccinology 2017 – III, International Symposium for Asia Pacific Experts*, Hanoi, Vietnam, 16th -19th October.



- Genevieve Shaw. 2014. Crocodile Egg Ice Cream a 'Bestseller'. <http://abcnews.go.com/amp/Lifestyle/crocodile-egg-ice-cream-bestseller/story%3fid=24175666> [25 Jun 2014].
- Hannah Frishberg. 2019. Snail caviar is 'a flavor incomparable with any other food'. [nypost.com/2019/09/18/snail-caviar-is-a-flavor-incomparable-with-any-other-food/amp/](http://nypost.com/2019/09/18/snail-caviar-is-a-flavor-incomparable-with-any-other-food/amp/) [18 September 2019].
- Ibn 'Abd al-Barr, Abu Umar Yusuf. 2000. *Al-Istizkar*. Cet 1. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah. .
- Ibn 'Abd al-Salām, 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salām al-Salami. 1998. *Qawā'id al-Ahkām fi Masālih al-Anām*. Beirut: Mu'asasah al-Rayyā
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. 1966. *Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid. t.th. *Sunan ibn Majah* : 3218. Dimashq: Dar al- Fikr.
- Ibn Muflih, Ibrahim ibn Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Muhammad. 1974. *Al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Jil 9, hlm 201. Beirut: al-Maktab al-Islami li Sahibihi Zuhayr al-Shawish.
- Ibn Qudamah, 'Abd Allah ibn Ahmad. 1968. *Al-Mughni fi Fiqh Imam al-Sunnah Ahmad ibn Hanbal*. Cet 1. Kaherah: Dar al-Kaherah.
- Ibn Rushd, Muhammad ibn Ahmad. 1994. *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Misr: Maktabat al-Halabi wa Awladih.
- John Tibbetts. 2009. *Dangerous Delicacy: Contaminated Sea Turtle Eggs Pose a Potential Health Threat*. *Environmental Health Perspectives: Pub Med*[1 September 2009].
- Laere, Erna, Ling, Anna Pick Kiong, Wong, Ying Pei, Koh, Rhun Yian, Mohd Lila, Mohd Azmi & Hussein, Sobri. 2016. Plant-based vaccines: production and challenges, *Journal of Botany*. 2016:1-11.
- Mahmud Idris, Abdul Fattah. 1993. "Hukm al-Tādāwi bi al-Muharramāt". Kaherah: Jami'ah Al-Azhar.
- Marc Siegel, M. D. 2006. *Bird Flu: Everything You Need to Know About the Next Pandemic*. New Jersey: Wiley.
- Mello, S.C.R.P.; Pessanha, L.S.; Mano, S.; Franco, R.M.; Pardi, H.S.; Santos, I.F. 2006. Avaliação bacteriológica e físico-química da polpa de dorso de rã obtida por separação mecânica. *Brazilian Journal of Food Technology*, 9(1): 39-48.
- Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli. 2011. *Pemikiran Ulama Melayu Klasik Tentang Pemakanan*. World Congress For Islamic History And Civilization (Wocihac) 2011 At: Apium Kl.
- Mohd Azli Adlan. 2021. Berhenti makan telur penyu elak kepupusan. <https://www.kosmo.com.my/2021/04/14/berhenti-makan-telur-penyu-elak-kepupusan/> [14 April 2021].
- Muhammad Ammar Harith, Mohd Anuar Ramli, and Mohamaddin Abdul Niri. 2019. "Kearifan Tempatan Dalam Fiqh Al-At'imah Di Alam Melayu: Local Wisdom in Fiqh Food in Malay World". *Jurnal Fiqh* 16 (1):57-82. <https://doi.org/10.22452/fiqh.sp2019no1.3>.
- Muhamad Syafiq Bin Ahmad Zahari, Deny Susanti and Hashi, Abdurezak A. 2017. Ethical Dimension of Consuming Frog Components for Medical and Research Purposes. *Revelation and Science* Vol. 07, No. 01 (1438H/2017) 15-20.
- Muhammad Arshad bin Abdullah Al-Banjari. 1990. *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amriddin*.
- Muhammad Hafiz Borkhanuddin. 2020. *Turtle Meat Can Cause Fatal Chronic Diseases*. <https://www.umt.edu.my/> [Dicapai pada 10 Januari 2022].
- Muslim ibn al-Hajjāj. t.th. *Sahih Muslim*: 1932. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al- 'Arabī.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. 2011. *Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10272>.
- Nobrega, I.C.C.; Atáide, C.S.; Moura, O.M.; Livera, A.V.; Menezes, P.H. 2007. Volatile constituents of cooked bullfrog (*Rana catesbeiana*) legs. *Food Chemistry*, 102(1): 186-191.
- Nogawa, T., Kamano, Y., Yamashita, A., Pettit, G.R. (2001): Isolation and structure of five new cancer cell growth inhibitory Bufadienolides from the Chinese traditional drug Ch'an Su. *J. Nat. Prods.* 64: 1148-1152.
- Simone Magnino, Pierre Colin, Eduardo Dei-Cas, Mogens Madsen, Jim McLauchlin, Karsten Nöckler, Miguel Prieto Maradona, Eirini Tsigarida, Emmanuel Vanopdenbosch, Carlos Van Peteghem. 2009. Biological risks associated with consumption of reptile products, *International Journal of Food Microbiology*, Volume 134, Issue 3, Pages 163-175, ISSN 0168-1605. <https://doi.org/10.1016/j.ijfoodmicro.2009.07.001>.
- Siti Halimah Binti Putung. 2014. *Pandangan Mazhab Shafi'i dalam Permasalahan Pemakanan: Analisis Terhadap Haiwan-haiwan yang Tiada Nas Khusus*. *Manu Bil.* 20, 1-23.
- Thailand Nation. 2021. *Thai Scientists Tap Monitor Lizard Blood For Covid Cure*. [https://www.nationthailand.com/blogs/tech/4000132\\_2](https://www.nationthailand.com/blogs/tech/4000132_2) [ 26 May 2021].
- Tory Shepherd. 2021. *Kambo, a lethal frog mucus used in shamanic rituals, banned by TGA after reports of deaths*. <https://www.google.com/amp/s/amp.theguardian.com> [6 Oktober 2021].
- Van Compernelle, S.E., Taylor, R.J., Oswald-Richter, K., Jiang, J., Youree, B.E., Bowie, J.H., Tyler, M.J., Conlon, J.M., Wade, D., Kewalramani, V.N., Dermody, T.S., Ailcen, C., Rollins-Smith, L.A., Unutmaz, D. (2005): Antimicrobial peptides from amphibian skin potently inhibit human immunodeficiency virus infection and transfer of virus from dendritic cells to T cells. *J. Virol.* 79: 11598-11606.
- World Health Organization. 2019. *Vaccines*. <https://www.who.int/topics/vaccines/en/> [1 Oktober 2019].